

12 AUG 2000

Zainol-Lantik

TAN SRI ZAINOL MAHMOOD DILANTIK PENERUSI LEMBAGA TABUNG HAJI

KANGAR, 12 Ogos (Bernama) -- Tan Sri Zainol Mahmood dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Tabung Haji berkuatkuasa 1 Ogos lalu, demikian diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman hari ini.

Zainol, 63, menggantikan Tan Sri Ahmad Razali Mohamed Ali, 72 yang tamat tempoh perkhidmatan akhir bulan lepas setelah berkhidmat selama enam tahun.

Abdul Hamid yang berada di sini bagi merasmikan ijtihak guru-guru takmir zon utara di sini berkata, pelantikan itu yang akan berkuatkuasa selama dua tahun telah dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zainol yang berasal dari Perlis memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam sebagai penolong pegawai daerah di Kuala Lumpur pada 1961 dan mulai 16 April 1992, beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia Berhad.

Bagaimanapun, Abdul Hamid tidak menyatakan kedudukan Zainol dalam Pos Malaysia Berhad berikutan pelantikannya sebagai Pengerusi Lembaga Tabung Haji.

Mengenai kemajuan Tabung Haji, Abdul Hamid berkata, agensi itu kini semakin mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai setelah sistem penyimpanan dan pengeluaran wangnya dipermudahkan.

Setiap tahun Tabung Haji menguruskan simpanan orang ramai berjumlah kira-kira RM2 bilion manakala nilai asetnya kini meningkat kepada RM9 bilion.

Beliau berharap orang ramai tidak bimbang dengan kegiatan pelaburan Tabung Haji kerana setiap pelaburan dilakukan tanpa melanggar hukum syarak.

-- BERNAMA

RIS AD FAZ